# BAB 4

# BAB 4

# KAEDAH PENYELIDIKAN

## 4.1: Pengenalan:

Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan tingkah laku kepimpinan pengetua melalui persepsi guru-guru sekolah menengah, sama ada mereka lebih menumpukan kepada pendayautamaan struktur atau timbang rasa di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Tingkah laku kepimpinan tersebut ditentukan mengikut persepsi guru-guru yang dipilih secara rawak. Di dalam bab ini kita akan cuba menghuraikan hal-hal yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan seperti, (i) pemilihan sampel, (ii) instrumen, (iii) prosedur kajian dan (iv) analisis data.

## 4.2: Pemilihan Sampel:

Sebanyak 26 buah sekolah menengah kerajaan yang lama dan yang baru di Negara Brunei Darussalam digunakan bagi tujuan kajian ini. Jadinya untuk kajian ini kesemua sekolah menengah kerajaan diambil untuk kajian bagi

menggambarkan keadaan sebenar tingkah laku kepimpinan pengetua bagi seluruh Negara Brunei Darussalam. Maka bilangan sekolah menengah yang hendak digunakan ialah 26 buah sekolah dan 26 orang pengetua. Dari kalangan guru pula akan diambil seramai 234 orang guru sebagai responden iaitu 9 orang guru dari setiap sekolah menengah yang dipilih secara rawak oleh pengetua dan juga pengkaji sendiri jika diizinkan. Mereka dikehendaki memenuhi satu soal selidik yang disusun bagi menilai tingkah laku kepimpinan pengetua. Menurut Stogdill (1969), bilangan minimum responden yang diperlukan untuk menentukan keesahan data ialah empat orang manakala bilangan yang dianggap paling standard ialah enam atau tujuh orang untuk setiap pemimpin, manakala kajian ini mengambil seramai sembilan orang bagi setiap sekolah berkenaan dan sesuai bagi kajian perbandingan.

Kajian ini hanya terhad kepada pemerhatian tingkah laku kepimpinan pengetua di 26 buah sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Brunei. Kajian akan meninjau amalan biasa pengetua-pengetua dari persepsi guru-guru terhadap pengetua-pengetua di sekolah menengah mereka. Manakala sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah yang lain tidak akan mempengaruhi hasil kajian dan tidak diambilkira dalam kajian ini.

**4.3: Instrumen:**

Instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini ialah dua set soal selidik yang digunakan untuk mendapat persepsi guru-guru ke atas tingkah laku kepimpinan pengetua dan persepsi pengetua-pengetua sendiri. Bagi penilaian tingkah laku kepimpinan pengetua akan digunakan soal selidik LBDQ yang telah diterjemah dan diadaptasikan oleh Rahimah (1981b) dari Hemphill dan Coons (1957) (soal selidik berkenaan disertakan sebagai Lampiran 3 - mengandungi empat bahagian). Soal selidik ini telah juga pernah digunakan oleh Salam (1986) dan Hj. Fadzilah (1990) dalam tesis-tesis mereka. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian yang telah disesuaikan bagi memenuhi maksud kajian. Guru-guru akan diberikan satu set soal selidik yang mengandungi Bahagian 1 dan 2. Pengetua pula diberikan satu set yang mengandungi Bahagian 3 dan 4. Keterangan bagi bahagian-bahagian soal selidik berkenaan adalah seperti berikut:

**Bahagian 1:**

Mengandungi 8 item untuk mendapatkan maklumat mengenai jantina, bangsa, umur, kelulusan akademik, kelulusan profesional, pengalaman sebagai guru dan kedudukan mereka sama ada guru tempatan atau guru ekspatriat dan kelamaan guru-guru yang menjadi responden di sekolah berkenaan.

**Bahagian 2:**

Mengandungi 37 item soal selidik yang telah disesuaikan dan dibuat untuk mengukur persepsi guru-guru mengenai tingkah laku kepimpinan yang ditunjukkan oleh pengetua mereka yang jadi amalan harian di sekolah. Soal selidik yang digunakan adalah mengukur dua dimensi tingkah laku kepimpinan iaitu tingkah laku yang berorientasikan pendayautamaan struktur dan tingkah laku yang berorientasikan timbang rasa.

Dimensi tingkah laku kepimpinan yang berorientasikan pendayautamaan struktur, didapati dengan 16 item (item-item bilangan 2, 4, 6, 8, 9, 12, 13, 14, 18, 20, 22, 24, 26, 28, 30, 34). Item-item tersebut menerangkan bagaimana pengetua dipersepsikan mengambil tindakan yang berkaitan dengan pendayautamaan struktur, dalam konteks hubungannya dengan guru-guru, penuntut-penuntut dan juga kakitangan lainnya. Item-item ini menerangkan tingkah laku pengetua dalam proses komunikasi, penyelesaian masalah, penjadualan yang berkaitan dengan pendayautamaan struktur.

Dimensi tingkah laku yang berorientasikan timbang rasa diukur dengan 21 item (iaitu item-item bilangan 1, 3, 5, 7, 10, 11, 15, 16, 17, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 31, 32, 33, 35, 36, 37). Item-item ini menerangkan tingkah laku pengetua berhubung dengan sikap saling mempercayaai, hormat-

menghormati, persahabatan dan kemesraan antara pengetua dengan guru-guru, penuntut-penuntut dan kakitangan.

**Bahagian 3:**

Mengandungi item mengenai latar belakang dan pengalaman pengetua yang bertujuan mendapatkan maklumat mengenai jantina, umur, kelulusan akademik, kelulusan profesional, pengalaman sebagai guru/pengetua, dan kursus-kursus yang pernah diikuti, yang merupakan angkubah bebas yang boleh mempengaruhi corak tingkah laku kepimpinan mereka.

**Bahagian 4:**

Mengandungi 37 item soal selidik mengenai tingkah laku kepimpinan yang sama bentuknya dengan soal selidik yang diberikan kepada guru-guru di atas (hanya telah disesuaikan perkataan "pengetua anda" menjadi "anda" dan sebagainya).

**4.4: Prosedur Kajian:**

Setelah mendapat kebenaran untuk mengadakan kajian di sekolah-sekolah menengah di Brunei Darussalam pengkaji telah mengadakan satu kajian rintis dengan mengedarkan soal selidik yang mengambil masa kira-kira dua minggu. Hanya empat buah sekolah menengah akan dilibatkan

dalam kajian rintis (senarai sekolah kajian rintis terdapat dalam Lampiran 2a) dan seramai lima orang guru akan diambil dari setiap sekolah berkenaan. Guru-guru yang terlibat akan diminta mengisikan persepsi masing-masing pada item-item yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji sendiri akan pergi ke sekolah-sekolah menengah untuk berbincang dengan pengetua, menyerahkan soal selidik dan menerangkan tujuan kajian rintis dan kajian sebenar akan datang. Masa yang akan diambil dengan pengetua kurang lebih satu jam.

Bagi maksud kajian sebenar pengendalian soal selidik akan dijalankan sendiri oleh pengkaji dengan berkunjung ke semua 26 buah sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa kurang lebih 1 1/2 bulan. Guru-guru yang telah dipilih seramai sembilan orang oleh pengetua dan pengkaji sendiri secara rawak akan diberi penjelasan tentang kajian ini. Item-item berkenaan yang tidak difahami oleh guru-guru akan dijelaskan bagi memastikan tidak terdapat kekeliruan dalam menjawabnya. Soal selidik akan dikumpulkan setelah guru-guru dan pengetua selesai menjawab bahagian masing-masing dan menyerahkannya kepada pengkaji.

**4.5: Analisis Data:**

Selepas pengumpulan data kajian rintis dan kajian sebenar dibuat, analisis data dilakukan menggunakan kaedah (a) statistik deskriptif - bagi menganalisis pembolehubah demografik responden, (b) statistik inferens seperti, ANOVA dan Ujian-t - untuk menentukan perbezaan persepsi mengikut jantina, umur dan latar belakang responden terhadap tingkah laku kepimpinan pengetua. Ianya juga akan digunakan untuk analisis data bagi menentukan corak tingkah laku kepimpinan pengetua dalam dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur yang diukur melalui persepsi pengetua sendiri dan guru-guru sekolah menengah.

Skor yang diperolehi bagi setiap item bagi dimensi timbang rasa dan dimensi pendayautamaan struktur akan dicampurkan untuk mendapatkan markat yang tepat bagi setiap dimensi tingkah laku tersebut. Markat maksima bagi setiap item ialah empat dan minima ialah satu. Dari itu bagi seorang responden markat yang paling tinggi untuk timbang rasa ialah 84 (4 x 21 item) dan pendayautamaan struktur ialah 64 (4 x 16 item). Manakala markat yang paling rendah bagi timbang rasa ialah 21 (1 x 21 item) dan pendayautaman struktur ialah 16 (1 x 16 item). Dari itu untuk menentukan kuadran corak-corak kepimpinan ialah berdasarkan markat yang tinggi dan rendah bagi dua dimensi tingkah laku tersebut iaitu:

i. Markat tinggi - timbang rasa ialah di antara 63 - 84.

ii. Markat tinggi - pendayautamaan struktur di antara 48 - 64.

iii. Markat rendah - timbang rasa ialah di antara 21 - 62.

iv. Markat rendah - pendayautamaan struktur di antara 16 - 47.

Berdasarkan markat yang tinggi bagi kedua-dua dimensi tingkah laku seperti di atas yang telah disesuaikan berdasarkan tingkah laku yang "selalu" dan "kerapkali" dilakukan oleh pengetua maka corak kepimpinan pengetua dapat ditentukan dengan menggabungkan kedua-dua markat dimensi tersebut. Dengan membuat pembahagian rentasan ke atas tiap satu dimensi tersebut empat kuadran corak kepimpinan dapat diperolehi seperti berikut:

Corak 1: Pengetua yang mendapat markat tinggi bagi kedua-dua dimensi timbang rasa dan pendayautamaan struktur.

Corak 2: Pengetua yang mendapat markat tinggi bagi dimensi timbang rasa dan rendah bagi dimensi pendayautamaan struktur.

Corak3: Pengetua yang mendapat markat tinggi bagi dimensi pendayautamaan struktur dan rendah bagi dimensi timbang rasa.

Corak 4: Pengetua yang mendapat markat rendah bagi kedua-dua dimensi berkenaan.

Kesimpulannya, bab ini mengemukakan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mengenalpasti corak tingkah laku kepimpinan pengetua di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini memerlukan soal selidik bagi meninjau persepsi guru-guru dan pengetua-pengetua di sekolah-sekolah menengah. Sampel yang digunakan ialah semua sekolah menengah berjumlah 26 buah iaitu terdiri dari 26 orang pengetua dan 234 orang guru. Pengkaji akan pergi ke semua sekolah menengah, berbincang dengan pengetua dan mengemukakan soal selidik berkenaan kepada pengetua dan guru-guru responden berkenaan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis berdasarkan statistik deskriptif dan statistik inferens. Dari sana akan dapat dibuat suatu kesimpulan mengenai corak tingkah laku kepimpinan pengetua sebenar di Negara Brunei Darussalam.